



MANUAL PENGURUSAN **WANG KHAIRAT**



JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri
www.jawhar.gov.my

Cetakan Pertama... 2014
© Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dengan apa juga bentuk dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin dari Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Aras 7, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
Tel: 603-8883 7400 Faks: 603-8883 7406

Dicetak oleh:

Hizi Print Sdn. Bhd.
No. 19, Jalan P10/19,
Taman Industri Selaman,
Seksyen 10,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Sekapur Sirih

KETUA PENGARAH
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
(JAWHAR)



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, juga buat ahli keluarga dan para sahabat Baginda. Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya juga, sebuah lagi siri manual pengurusan JAWHAR berjudul Manual Pengurusan Wang Khairat (MPWK) berjaya diterbitkan.

Ramai dalam kalangan masyarakat kita yang masih kabur malahan mungkin tidak mengetahui bahawa aktiviti pungutan khairat (derma / sedekah) bagi memajukan agama dan institusi-institusi Islam di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Justeru, setiap aktiviti kutipan khairat yang hendak dilakukan hendaklah mendapatkan kebenaran pihak MAIN di negeri masing-masing terlebih dahulu.

Dewasa ini, media massa sering mendedah dan melaporkan mengenai penipuan yang dilakukan oleh golongan tidak bertanggungjawab dalam aktiviti kutipan khairat. Dalam hal ini, penyelarasan dan pemantauan aktiviti kutipan khairat oleh pihak MAIN amat penting bagi mengawal supaya keskes penipuan, penyalahgunaan wang kutipan, eksloitasi kanak-kanak dan sebagainya dalam aktiviti kutipan khairat dapat dielakkan.

Justeru, atas permasalahan inilah JAWHAR dengan kerjasama semua MAIN mengambil inisiatif menerbitkan MPWK bagi tujuan menyediakan garis panduan serta tadbir urus terbaik kepada semua MAIN dalam pengurusan wang khairat di negeri masing-masing.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan dan penerbitan MPWK ini, terutamanya barisan pakar-pakar rujuk dan pegawai agensi-agensi berkaitan yang telah menyumbangkan ilmu pengetahuan, idea dan pengalaman masing-masing sepanjang proses penyediaan MPWK ini. Semoga usaha tuan/puan akan dinilai sebagai amal soleh di sisi Allah SWT dan mendapat ganjaran yang berlipat ganda, Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

وَالسَّلَامُ



DATUK HAJI ANAN BIN C MOHD

Ketua Pengarah JAWHAR

Penghargaan



Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang padu dalam menyiapkan Manual Pengurusan Wang Khairat (MPWK) ini.

Sekalung penghargaan diucapkan khususnya kepada barisan pakar-pakar rujuk iaitu Ustaz Mohd Zamro bin Muda dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ustaz Abdullah bin Jalil dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Ustaz Indera Shahril bin Mohd Shahid dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) serta para pegawai Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang telah menyumbang idea dan cadangan-cadangan yang bernes dalam penyediaan dan penerbitan MPWK ini.

Semoga segala kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan penerbitan MPWK ini akan dinilai sebagai amal soleh di sisi Allah SWT dan mendapat balasan pahala yang berlipat kali ganda, Insya-Allah. Jazakumullahu khairal-jaza'.

Abstrak



Manual Pengurusan Wang Khairat (MPWK) merupakan salah satu terbitan siri manual pengurusan JAWHAR yang menyediakan garis panduan serta tadbir urus terbaik pengurusan wang khairat di Malaysia.

Dalam MPWK ini, setiap bab disusun dan diperkemas melalui pembahagian tajuk dan huraian yang bersesuaian. Bab 1 MPWK mengandungi objektif, skop dan kaedah penyediaan manual. Bab 2 pula menyentuh tentang konsep wang khairat menurut perspektif Islam yang merangkumi definisi, dalil-dalil pensyariatan, hikmah, hukum, rukun dan syarat, jenis-jenis, isu-isu dan permasalahan serta perkara-perkara yang perlu dielakkan berkaitan sedekah.

Seterusnya, Bab 3 pula menjelaskan secara terperinci tentang pengurusan wang khairat di Malaysia dengan menyentuh tentang peruntukan undang-undang, peranan agensi-agensi berkaitan dan prosedur pengurusan wang khairat di MAIN berserta carta alir. Akhir sekali, Bab 4 iaitu bab penutup menerangkan tentang langkah-langkah memperkasa pengurusan wang khairat di Baitulmal MAIN dan impak yang diharapkan daripada penerbitan MPWK ini.

Dengan terbitinya MPWK ini diharapkan agar ia dapat dijadikan garis panduan yang seragam dan komprehensif kepada pihak MAIN dalam pengurusan wang khairat di negeri masing-masing sesuai dengan peranannya selaku pemegang amanah harta umat Islam di Malaysia.

Kandungan



Sekapur Sireh Ketua Pengarah JAWHAR	iii
Penghargaan	v
Abstrak	vi
Bab 1: Pendahuluan	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif	2
1.3 Skop	2
1.4 Kaedah Penyediaan	2
1.5 Kesimpulan	3
Bab 2: Konsep Wang Khairat Menurut Perspektif Islam	5
2.1 Pengenalan	5
2.2 Definisi Wang Khairat (Sedekah / Derma)	6
2.3 Dalil-dalil Pensyariatan Sedekah	6
2.4 Hikmah Pensyariatan Sedekah	9
2.5 Hukum Sedekah	10
2.6 Rukun dan Syarat Sedekah	12
2.7 Jenis-jenis Sedekah	13
2.8 Isu-isu dan Permasalahan Berkaitan Sedekah	14
2.9 Perkara-perkara yang Perlu Dilakukan Berkaitan Sedekah	20
2.10 Kesimpulan	24
Bab 3: Pengurusan Wang Khairat di Malaysia	25
3.1 Pengenalan	25
3.2 Peruntukan Undang-undang	26

3.3	Peranan Agensi-agensi Berkaitan	35
3.4	Prosedur Pengurusan Wang Khairat di MAIN	37
3.5	Carta Alir Pengurusan Pungutan Khairat	45
3.6	Kesimpulan	48
Bab 4:	Penutup	49
4.1	Pengenalan	49
4.2	Langkah-langkah Memperkasa Pengurusan Wang Khairat di Baitulmal	50
4.3	Impak	51
4.4	Kesimpulan	52

BAB 1



PENDAHULUAN

Firman Allah SWT:

وَمَا أَدْرِيكَ مَا الْعَقَبَةُ ١٤ فَكُرْبَةٌ ١٣ أَوْ اطْعُنُهُ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْعَةٍ
يَتَّمَّا ذَامَقَبَةٌ ١٥ أَوْ مُسْكِنًا ذَادَ مَرْبَةٍ ١٦

Maksudnya:

“Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui; apa dia amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan itu? (Di antara amal-amal itu bagi orang yang mampu) ialah: memerdekaan hamba abdi; atau memberi makan pada hari kelaparan – kepada anak yatim dari kaum kerabat, atau kepada orang miskin yang terlantar di atas tanah.”

(Surah al-Balad, ayat 12-16)

1.1 PENGENALAN

Manual Pengurusan Wang Khairat (MPWK) ini diterbitkan bertujuan untuk menerangkan perihal kepentingan pengurusan wang khairat (derma / sedekah) untuk pembangunan sosio-ekonomi ummah serta menyediakan garis panduan yang komprehensif kepada agensi-agensi berkaitan serta umat Islam seluruhnya. Selain itu, MPWK juga merupakan manifestasi daripada salah satu peranan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) sebagai sebuah agensi persekutuan dalam menerbitkan siri manual pengurusan JAWHAR yang bertujuan membantu dan bersama-sama dengan institusi-institusi mal di Malaysia bagi meningkatkan tadbir urus terbaik dalam pengurusan wang khairat. Bab pertama ini akan menerangkan tentang objektif, skop dan kaedah penyediaan manual.

1.2 OBJEKTIF

MPWK ini bertujuan untuk:

- i. Menyediakan garis panduan dan prosedur yang jelas mengenai pengurusan wang khairat di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN);
- ii. Menyeragamkan prosedur pengurusan kutipan wang khairat bagi semua MAIN;
- iii. Menambah baik dan meningkatkan tahap kecekapan pengurusan wang khairat yang dikawal selia oleh pihak MAIN; dan
- iv. Menyebarluaskan ilmu pengetahuan berkaitan pengurusan wang khairat kepada masyarakat umum.

1.3 SKOP

MPWK ini secara umumnya menyentuh tentang wang khairat (sedekah / derma) dan tadbir urus terbaik wang khairat sebagai satu instrumen yang perlu diberi perhatian dan dilaksanakan dengan sistematik. MPWK ini pada bahagian awalnya akan menjelaskan tentang konsep wang khairat dari segi definisi, dalil, hikmah, hukum, rukun dan syarat serta hal-ehwal berkaitan dengannya. Seterusnya, MPWK akan menyentuh tentang prosedur dan kaedah tadbir urus terbaik wang khairat dari segi peruntukan perundangan, pentadbiran dan pengurusan, peranan agensi-agensi berkaitan dan prosedur pentadbiran wang khairat di MAIN. Justeru, MPWK ini adalah bertujuan untuk memberi garis panduan yang komprehensif dan ia terbuka untuk rujukan masyarakat umum agar lebih peka tentang kepentingan sumbangan wang khairat dalam pembangunan ummah.

1.4 KAEDAH PENYEDIAAN

MPWK ini disediakan melalui kaedah perbincangan secara langsung, sumbang-saran idea, kepakaran serta pengalaman para ahli akademik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), para pegawai Majlis

Agama Islam Negeri (MAIN) dari seluruh negara serta para pegawai kanan JAWHAR. Kepakaran dan pengalaman kesemua mereka yang terlibat dikumpulkan dalam beberapa siri mesyuarat dan bengkel sehingga MPWK ini berjaya diterbitkan.

1.5 KESIMPULAN

Penerbitan MPWK ini adalah bertujuan untuk memberikan impak positif kepada seluruh umat Islam amnya dan pihak MAIN khasnya dari segi pengurusan dan pemantauan aktiviti kutipan wang khairat di Malaysia. Secara tidak langsung juga, manual ini akan memberi kesedaran kepada orang ramai dalam melihat signifikan kewujudan institusi Baitulmal serta peranannya sebagai pentadbir (wasi) dan pemegang amanah harta umat Islam serta bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan masyarakat secara umum (maslahah ‘ammah) sebagaimana peranannya yang sangat penting sejak zaman kegemilangan tamadun Islam lagi.

BAB 2



KONSEP WANG KHAIRAT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Sabda Rasulullah SAW:

مَا نَقْصَتْ صَدَقَةٌ مِّنْ مَالٍ وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بِعَفْوٍ إِلَّا عِزًّا . وَمَا تَوَاضَعَ أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ .

Maksudnya:

“Sedekah itu tidaklah mengurangkan sesuatu apa pun daripada harta. Tidaklah Allah menambahkan kepada hamba-Nya dengan (sifat) kemaafan melainkan (Dia menambahkannya dengan) kemuliaan. Tidaklah seseorang itu merendah diri kerana Allah melainkan Allah akan mengangkatnya.”

(Hadis riwayat Muslim)

2.1 PENGENALAN

Bab ini akan menghuraikan konsep wang khairat (sedekah / derma) dalam Islam merangkumi definisi, dalil, hikmah, hukum, rukun dan syarat, jenis-jenis sedekah serta isu dan permasalahan berkaitannya. Sedekah (khairat) secara sukarela adalah satu bentuk ibadat harta yang amat digalakkan dalam Islam. Terdapat begitu banyak nas al-Quran dan Hadis yang menganjurkan amalan bersedekah khususnya kepada kaum kerabat dan orang-orang yang memerlukan.

Walaupun istilah sedekah pada asasnya boleh merangkumi sedekah yang wajib (iaitu zakat) dan sedekah sunat, namun pada kebiasaannya istilah sedekah ini digunakan oleh fuqaha' untuk merujuk kepada sedekah yang dibuat secara sukarela

semata-mata. Sedekah merupakan satu bentuk ibadat harta yang lebih fleksibel berbanding zakat yang terikat dengan syarat-syarat yang ketat. Sedekah adalah pelengkap kepada sistem zakat dalam membantu golongan yang memerlukan dan memperbaiki pengagihan kekayaan di dalam sesebuah sistem ekonomi.

2.2 DEFINISI WANG KHAIRAT (SEDEKAH / DERMA)

Dari segi bahasa, khairat membawa maksud kebajikan-kebajikan. Dari segi istilah pula, wang khairat bermaksud sedekah yang dilakukan dalam bentuk wang bagi tujuan kebajikan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Pada kebiasaannya, wang khairat adalah bantuan kewangan yang diberikan kepada fakir miskin, anak-anak yatim, ibu tunggal, orang kelainan upaya, orang ditimpah musibah atau penyakit dan seumpamanya. Oleh itu, wang khairat adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan ke atas sedekah.

Wang khairat iaitu derma kepada pihak yang memerlukan adalah satu bentuk sedekah. Menurut Kamus Dewan Edisi 4, perkataan derma memberi maksud bantuan yang berupa wang (kepada perkumpulan dan lain-lain), pemberian yang ikhlas dan sedekah (kepada orang miskin dan lain-lain). Fuqaha' telah mendefinisikan sedekah atau derma ini sebagai akad yang memberi pemilikan harta kepada pihak yang lain yang berhajat tanpa timbal balas untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan dibuat secara sukarela.

2.3 DALIL-DALIL PENSYARIATAN SEDEKAH

Pensyariatan sedekah didasarkan kepada nas al-Quran, Hadis dan Ijmak.

i. Nas-nas Al-Quran

Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang menganjurkan amalan bersedekah dilakukan. Antaranya, firman Allah SWT:

يَنَاهُهَا الَّذِينَ أَمْنُوا أَنْفَقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبُوكُمْ وَمِمَّا أَخْرَجَنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu...”

(Surah al-Baqarah, ayat 267)

مَنْ ذَا الَّذِي يُعِزِّزُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُؤْتِي عِنْهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَهُ وَاللَّهُ يَقْصُصُ وَيَبْعَثُ فِي
وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٦﴾

Maksudnya: “Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? Dan (ingatlah), Allah jualah Yang menyempit dan Yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan.”

(Surah al-Baqarah, ayat 245)

وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ ﴿١٥﴾ فَلَكُمْ رِبَّةٌ ﴿١٦﴾ أَوْ طَعْمٌ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْعَةٍ ﴿١٧﴾ يَتَسَمَّا دَاءَ مَقْرَبَةٍ ﴿١٨﴾
أَوْ مُسْكِنَادَاءَ مَرْبَطَةٍ ﴿١٩﴾

Maksudnya: “Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui: apa dia amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan itu? (Di antara amal-amal itu – bagi orang yang mampu) ialah: memerdekakan hamba abdi; atau memberi makan pada hari kelaparan – kepada anak yatim dari kaum kerabat, atau kepada orang miskin yang terlantar di atas tanah.”

(Surah al-Balad, ayat 12-16)

ii. Nas-nas Hadis

Terdapat banyak Hadis Rasulullah SAW juga yang menjelaskan dalil pensyariatan sedekah. Antaranya, daripada Abu Hurairah ra, bahwasanya Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَصَدَّقَ بِعَدْلٍ تَمْرِيْ مِنْ كَسْبِ طَيْبٍ وَلَا يَقْبَلُ اللَّهُ إِلَّا الطَّيْبَ ، وَإِنَّ اللَّهَ يَتَقَبَّلُهَا بِيَمِينِهِ ، ثُمَّ يُرِيْهَا لِصَاحِبِهِ كَمَا يُرِيْهُ أَحَدُكُمْ فَلُوَّةً حَتَّى تَكُونَ مِثْلَ الْجَبَلِ .

Maksudnya: “Barang siapa yang bersedekah dengan seberat tamar daripada hasil usaha yang baik, sedang Allah tidak akan menerima melainkan sesuatu yang baik. Oleh itu, sesungguhnya Allah akan menerimanya dengan kekuasaan-Nya. Kemudian, Dia akan mengembangkannya bagi pemiliknya itu sepermata salah seorang kamu memelihara anak kudanya sehingga ia menjadi besar seumpama bukit.”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Ka'b ibnu 'Ujrah ra meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda kepada beliau (petikan daripada sebuah hadis yang lebih panjang):

يَا كَعْبَ بْنَ عَجْرَةَ ، الصَّلَاةُ بُرْهَانٌ ، وَالصَّوْمُ جُنَاحٌ حَصِيلَةٌ ، وَالصَّدَقَةُ تُطْفَلُ
الْخَطِيَّةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ .

Maksudnya: “Wahai Ka'b ibnu 'Ujrah! Solat itu adalah hujah (bukti), puasa itu adalah benteng serta perisai yang memelihara dan sedekah itu memadamkan kesalahan sepermata air memadamkan api.”

(Hadis riwayat al-Tirmizi)

Anas ibnu Malik ra meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الصَّدَقَةَ لَتُطْفِئُ غَبَبَ الرَّبِّ وَتَدْفَعُ عَنْ مِيتَةِ السُّوءِ .

Maksudnya: “Sesungguhnya sedekah itu pasti memadamkan kemurkaan Tuhan dan melindungi daripada kematian yang buruk.”

(Hadis riwayat al-Tirmizi)

Abu Hurairah ra meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا مَلَكَانِ يَتَرَاهُنَّ فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا : اللَّهُمَّ أَعْطِ مُتَفِقًا
خَلَفًا ، وَيَقُولُ الْآخَرُ : اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا ثَلَفًا .

Maksudnya: “Tidak ada sehari pun di mana para hamba itu berpagi-pagi padanya melainkan ada dua malaikat yang akan turun. Maka salah satu daripada mereka pun berdoa: Ya Allah! Berikanlah ganti bagi orang yang menginfakkan hartanya. Yang lain pula berdoa: Ya Allah! Berikanlah kemusnahan bagi orang yang menahan infak hartanya.”

(*Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim*)

Jarir ibnu ‘Abdullah ra meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَصَدِّقَ رَجُلٌ مِنْ دِينَارِهِ مِنْ دِرْهَمِهِ مِنْ ثُوْبَيْهِ مِنْ صَاعِ بُرْرَهِ مِنْ صَاعِ شَمْرَهِ (حَتَّىٰ)
فَالَّذِي لَا يُشِيقُ تَمْرَةً .

Maksudnya: “Bersedekahlah seseorang itu daripada dinarnya, daripada dirhamnya, daripada pakaiannya, daripada segantang gandumnya, daripada segantang tamarnya (sehingga Baginda bersabda) walaupun dengan sebahagian daripada sebijinya tamar.”

(*Hadis riwayat Muslim*)

iii. Ijmak

Fuqaha’ telah bersepakat berkenaan pensyariatan sedekah secara sukarela sebagai satu amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

2.4 HIKMAH PENSYARIATAN SEDEKAH

Antara hikmah-hikmah pensyariatan sedekah adalah seperti berikut:

i. Kepada Pemberi

- a) Amalan bersedekah adalah satu tanda kesyukuran kepada Allah SWT di atas nikmat harta yang telah dikurniakan kepada kita.

- b) Sedekah dapat menyucikan harta dan diri seseorang sebagaimana ibadah zakat.
- c) Rasulullah SAW adalah seorang yang sangat pemurah dan paling suka memberikan sedekah. Maka, amalan bersedekah ini adalah merupakan satu contoh teladan kepada Baginda SAW.
- d) Sedekah adalah satu bentuk amal ibadah yang dapat menambahkan kebaikan, menghapuskan dosa, menolak bala, menambahkan rezeki, menyembuhkan penyakit dan menjauhkan kemurkaan Allah SWT.

ii. Kepada Penerima

- a) Sedekah dapat membantu penerimanya memenuhi keperluan dan hajatnya seterusnya memperbaiki kehidupannya.
- b) Sedekah dapat membantunya menjalankan tanggungjawabnya berkaitan agama dan dunia.
- c) Sedekah dapat menghilangkan perasaan marah dan dengki yang mungkin timbul lantaran kesempitan hidup yang dialaminya.

iii. Kepada Masyarakat

- a) Sedekah menyempurnakan sistem zakat bagi membantu golongan yang memerlukan bantuan serta memperbaiki pengagihan harta di dalam ekonomi.
- b) Sedekah menyempurnakan sistem sekuriti sosial (al-takaful al-ijtima'i) bagi mewujudkan mekanisme dan budaya bantu membantu di dalam sesebuah masyarakat.

2.5 HUKUM SEDEKAH

i. Sunat

Secara umumnya, sedekah adalah disunatkan pada setiap masa. Pada asasnya, ia disunatkan untuk dilakukan secara tersembunyi. Namun begitu, pemberian sedekah secara terbuka lebih disunatkan sekiranya kebaikannya lebih besar. Sedekah juga lebih disunatkan (menjadi sunat mu'akkad) pada waktu-waktu yang afdal seperti bulan Ramadan, sepuluh

hari pertama bulan Zulhijjah, hari-hari raya dan di tempat-tempat seperti Mekah dan Madinah serta ketika mengerjakan haji dan jihad ataupun ketika berlakunya perkara-perkara yang penting seperti gerhana, sakit dan musafir.

Sedekah juga disunatkan untuk diberikan kepada orang-orang yang soleh. Disunatkan juga memperbanyakkan sedekah pada waktu-waktu kesusahan melanda. Semakin penting barang yang disedekahkan, maka semakin afdal sedekah tersebut. Oleh kerana itulah, apabila Rasulullah SAW ditanya:

أَيُّ الصَّدَقَةِ أَفْضَلُ؟ قَالَ : "سَقْيُ الْمَاءِ".

Maksudnya: “Sedekah yang manakah paling afdal?” Baginda menjawab: “Memberi minum air.”

(Hadis riwayat al-Nasa'i)

Semakin besar nisbah sedekah yang dikeluarkan oleh seseorang daripada hartanya, semakin besar juga ganjaran yang diperolehnya. Abu Hurairah ra meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

سَبَقَ دِرْهَمٌ مِائَةً أَلْفِ دِرْهَمٍ ، قَالُوا : وَكَيْفَ ؟ قَالَ : كَانَ لِرَجُلٍ دِرْهَمًا نَصَدَقَ بِأَحَدِهِما ، وَأَنْطَلَقَ رَجُلٌ إِلَى عُرْضِ مَالِهِ فَأَخَذَ مِنْهُ مِائَةً أَلْفِ دِرْهَمٍ فَتَصَدَّقَ بِهَا .

Maksudnya: “Satu dirham telah mendahului seratus ribu dirham.” Para Sahabat bertanya: “Bagaimanakah itu?” Baginda menjawab: “Adalah bagi seorang lelaki itu dua dirham, dia telah bersedekah dengan salah satu daripadanya. Manakala seorang lelaki lagi telah pergi ke sudut hartanya (yang banyak), maka dia pun mengambil seratus ribu dirham daripada hartanya itu lalu bersedekah dengannya.”

(Hadis riwayat al-Nasa'i dan Ahmad)

ii. Wajib

Sekiranya pemberi sedekah mendapati seseorang yang benar-benar terdesak untuk makan, dan ketika itu pemberi sedekah mempunyai makanan yang lebih daripada hajat keperluannya.

iii. Haram

Sekiranya pemberi sedekah mengetahui atau meyakini bahawa penerima sedekah akan membelanjakan wang sedekah tersebut pada perkara yang haram.

iv. Makruh

Sekiranya pemberi sedekah bersedekah dengan sesuatu yang buruk sedangkan dia memiliki sesuatu yang lebih baik untuk disedekahkan.

2.6 RUKUN DAN SYARAT SEDEKAH

Sedekah tidak akan berlaku melainkan dengan wujud rukun-rukunnya. Rukun-rukun sedekah ialah:

i. Pemberi Sedekah (المُحْصَدُ)

Iaitu pihak yang mengeluarkan hartanya untuk diberikan kepada pihak yang memerlukan. Syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh pemberi sedekah ialah:

- a) Memiliki keahlian secara penuh untuk melakukan tabarru' iaitu:
 - Berakal;
 - Baligh;
 - Rashid (cerdik); dan
 - Tidak mempunyai halangan untuk bersedekah.
- b) Memiliki barang yang ingin disedekahkan atau menjadi wakil bagi pihak lain yang ingin bersedekah dengan hartanya.

ii. Penerima sedekah (المُتَحْصَدُ عَلَيْهِ)

Iaitu pihak yang menerima sedekah yang diberikan. Tidak disyaratkan pada penerima sedekah syarat-syarat yang telah ditetapkan pada pemberi sedekah kerana penerima sedekah tidak mendapat apa-apa kemudarat dalam akad sedekah.

Oleh itu, tidak disyaratkan pada penerima sedekah bahawa dia mesti berakal, baligh, cerdik atau mempunyai keahlian melakukan tabarru'. Maka penerima sedekah boleh terdiri daripada kanak-kanak, orang gila dan orang yang muflis serta penerimaan tersebut tidak tertakluk kepada izin wali mereka. Bahkan haiwan juga boleh mendapat manfaat daripada sedekah.

iii. Harta yang disedekahkan (المُتَصَدِّقُ بِهِ)

Iaitu harta yang diberikan kepada pihak yang berhajat. Disyaratkan supaya harta tersebut:

- a) Dimiliki daripada sumber yang halal serta bukan syubhah; dan
- b) Merupakan harta yang baik dan bukan sesuatu yang buruk atau tidak disukai.

iv. Sighah (الصَّيْغَةُ)

Sighah adalah merujuk kepada ijab dan qabul. Ijab dan qabul dengan lafadz tidak disyaratkan pada sedekah. Bahkan, cukup dengan penyerahan dan penerimaan (al-qabdh) harta sedekah tersebut. Ini adalah pendapat yang paling sahih dalam mazhab Syafii dan ia telah dipilih oleh ramai ulama' mazhab Syafii.

v. Niat (النِّيَّةُ)

Niat bagi amalan sedekah adalah berbeza dengan pemberian hadiah. Sedekah dilakukan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan mendapatkan ganjaran daripada-Nya. Oleh itu, pemberi sedekah perlulah benar-benar memastikan bahawa niatnya adalah benar kerana Allah SWT. Bahkan, istilah sedekah itu sendiri merujuk kepada kebenaran niat oleh pelakunya. Imam Ibnu 'Abidin menyatakan bahawa disunatkan juga untuk diniatkan pahala sedekah itu diberikan kepada semua orang-orang beriman kerana ia akan sampai kepada mereka tanpa mengurangkan pahala pemberi sedekah sedikit pun.

2.7 JENIS-JENIS SEDEKAH

Dari sudut yang lebih umum, sedekah merujuk kepada sebarang pemberian tanpa timbal balas kepada mereka yang berhajat. Maka ia boleh meliputi sedekah yang wajib dan sunat, serta tujuan sedekah boleh menjadi umum atau khusus.

i. Sedekah Wajib

- a) Sedekah yang difardhukan oleh syariat Islam ke atas harta. Ia dikenali sebagai zakat.
- b) Sedekah yang difardhukan oleh syariat Islam ke atas tubuh badan bagi menampung kekurangan yang berlaku pada puasa fardu serta menggembirakan fakir miskin pada hari raya Aidilfitri. Ia dikenali sebagai zakat fitrah.
- c) Sedekah yang difardhukan oleh seseorang ke atas dirinya sendiri kerana bernazar; dan
- d) Sedekah yang difardhukan oleh syariat Islam ke atas seseorang bagi menunaikan hak Allah SWT seperti fidyah dan kafarah.

ii. Sedekah Sunat

Sedekah yang dilakukan secara sukarela oleh seseorang dan memenuhi rukun dan syarat yang telah ditetapkan. Contohnya, sedekah kepada golongan fakir miskin atau anak yatim untuk membantu sara hidup mereka.

iii. Sedekah Umum

Sedekah yang tidak dikhususkan oleh pemberinya untuk tujuan tertentu, maka penggunaannya adalah umum untuk semua kebaikan. Sebagai contoh, sedekah yang disalurkan ke dalam tabung-tabung masjid atau Baitulmal tanpa menetapkan apa-apa tujuan yang khusus.

iv. Sedekah Khusus

Sedekah yang telah dikhususkan oleh pemberinya untuk tujuan tertentu, maka ia tidak boleh digunakan bagi tujuan yang lain. Contohnya, sedekah yang diberikan kepada pihak sekolah atau persatuan penduduk untuk tujuan pembinaan surau.

2.8 ISU-ISU DAN PERMASALAHAN BERKAITAN SEDEKAH

i. Tertib Keutamaan Penerima Sedekah

Disunatkan bagi seseorang Muslim untuk bersedekah kepada mereka yang berhajat daripada kalangan kaum kerabatnya walaupun daripada kalangan mereka yang wajib ke atasnya pemberian nafkah, kerana sedekah kepada kaum kerabat (termasuk suami atau isteri) adalah paling afdal. Dalam hal ini, kaum kerabat yang lebih rapat adalah lebih afdal untuk menerima sedekah. Daripada Sulaiman ibnu ‘Amir al-Dhabbi ra, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

الصَّدَقَةُ عَلَى الْمُسْكِنِ صَدَقَةٌ وَهِيَ عَلَى ذِي الرَّحْمَةِ أَنْثَانِ : صَدَقَةٌ وَصَلَةٌ .

Maksudnya: “*Sedekah kepada orang miskin merupakan satu sedekah, manakala sedekah kepada orang yang mempunyai hubungan rahim (kaum kerabat) adalah dua perkara: Sedekah dan merapatkan hubungan.*”

(Hadis riwayat al-Tirmizi dan Ibnu Hibban)

Kemudian, disunatkan seseorang itu mengutamakan jirananya dalam pemberian sedekah. Dalam hal ini, jiran yang lebih dekat adalah lebih afdal. Sayyidatuna ‘Aishah ra meriwayatkan bahawa beliau bertanya Rasulullah SAW:

إِنْ لَيْ جَارَيْنِ فِيلَى أَيْهِمَا أَهْدِيْ ؟ قَالَ : إِلَى أَقْرَبِهِمَا مِنْكَ بَابًا .

Maksudnya: “*Sesungguhnya aku ada dua orang jiran, lalu kepada yang mana satu yang lebih patut aku berikan hadiah?*” Baginda menjawab: “*Kepada yang lebih dekat pintu rumahnya dari tempatmu.*”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

ii. Bersedekah dengan Keseluruhan Harta

Disunatkan bagi sedekah itu dilakukan pada harta yang lebih daripada keperluan diri sendiri dan keperluan orang-orang yang di bawah tanggungan. Sekiranya seseorang itu bersedekah sehingga mengurangkan keperluan orang-orang di bawah tanggungannya, maka dia berdosa.

Sesiapa yang mahu bersedekah dengan semua hartanya dan dia mengetahui bahawa dirinya mempunyai tawakal yang baik serta dapat menahan diri daripada meminta-minta, maka dia diharuskan untuk melakukannya. Sebaliknya, sekiranya tidak maka ia tidak diharuskan. Selain itu, makruh bagi seseorang yang tidak mempunyai kesabaran terhadap kesempitan hidup untuk bersedekah sehingga mengurangkan keperluan hidupnya dengan sempurna.

iii. Pemberian Sedekah Secara Terbuka atau Tersembunyi

Mengeluarkan sedekah secara tersembunyi adalah lebih afdhal kerana itu lebih dekat kepada keikhlasan, lebih jauh daripada riak (bangga diri) dan sum'ah (bermegah-megah) serta lebih menjaga maruah penerima sedekah. Allah SWT berfirman:

إِنَّمَا الْمُبَدِّلُ الصَّدَقَةَ فَيَعْمَلُهُ مَنْ يَشَاءُ وَلَمْ يَنْخُفُوهَا وَلَمْ يَرَوْهَا الْفُقَرَاءُ
فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَمَنْ كَفَرَ عَنْكُمْ مِنْ سَيِّئَاتِكُمْ وَاللَّهُ أَعْلَمُ
عَمَلُوكُمْ خَيْرٌ

Maksudnya: “Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik). Dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu serta kamu berikan kepada orang-orang fakir miskin, maka itu adalah baik bagi kamu; dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian dari kesalahan-kesalahan kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

(Surah al-Baqarah, ayat 271)

Rasulullah SAW telah menerangkan tentang tujuh golongan manusia yang akan mendapat perlindungan daripada Allah SWT di bawah ‘Arasy-Nya pada hari Kiamat nanti, salah satu daripada golongan tersebut ialah:

وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا حَتَّىٰ لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَوْمَئِنَةٍ .

Maksudnya: “Dan seorang lelaki yang bersedekah dengan suatu sedekah, lalu dia menyembunyikannya sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apakah yang telah dibelanjakan oleh tangan kanannya.”

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Akan tetapi, sekiranya pemberian sedekah secara terang-terangan mempunyai maslahat dan kebaikan yang lebih besar seperti memberi teladan yang baik serta menggalakkan para hadirin untuk memberi sedekah bersama-sama, maka disunatkan ia dilakukan secara terang-terangan dengan mengambil perhatian kepada pentingnya menjaga keikhlasan niat.

iv. Bersedekah dengan Harta Haram

Bersedekah dengan harta yang haram adalah satu dosa pada hakikatnya. Ini adalah kerana sedekah itu dianjurkan pada harta yang baik dan halal. Abu Hurairah ra meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا أَدَيْتَ الزَّكَاةَ فَقَدْ قَضَيْتَ مَا عَلَيْكَ ، وَمَنْ جَمَعَ مَالًا حَرَامًا ، ثُمَّ تَصَدَّقَ بِهِ ، لَمْ يَكُنْ لَّهُ فِيهِ أَجْرٌ ، وَكَانَ إِصْرَهُ عَلَيْهِ .

Maksudnya: “Apabila engkau telah menunaikan zakat, maka sesungguhnya engkau telah melaksanakan apa yang wajib ke atasmu. Barang siapa yang mengumpulkan harta yang haram kemudian dia bersedekah dengannya, tidak ada baginya pahala pada sedekah itu, malahan beban dosa pula ke atasnya.”

(Hadis riwayat al-Hakim, Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Hibban)

Daripada ‘Abdullah ibnu ‘Abbas ra, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

لَا يُغْبَطَنَ جَامِعُ الْمَالِ مِنْ غَيْرِ حِلِّهِ ، أَوْ قَالَ : مِنْ غَيْرِ حَقِّهِ ، فَإِنَّهُ إِنْ تَصَدَّقَ لَمْ يُقْبَلْ مِنْهُ ، وَمَا يَقْبِيَ كَانَ زَادَهُ إِلَى النَّارِ .

Maksudnya: “Tidak dicemburui si pengumpul harta tanpa halalnya – atau Baginda menyebut – tanpa haknya. Maka sesungguhnya sekiranya dia bersedekah (dengannya), tidak akan diterima (oleh Allah) daripadanya, malah apa yang disimpan menjadi bekalannya ke neraka.”

(Hadis riwayat al-Hakim)

Oleh sebab itu, sekiranya seseorang itu mempunyai harta yang haram, maka hendaklah dia mengembalikannya kepada pemilik asalnya sekiranya dia mengetahuinya. Sekiranya dia tidak

mengetahuinya, maka hendaklah dia bersedekah dengannya atau diserahkan kepada Baitulmal. Manakala bagi penerima pula, sekiranya dia mengetahui bahawa sedekah yang diterima olehnya datang daripada harta haram seperti rampasan, pencurian dan pengkhianatan, maka disunatkan baginya untuk tidak mengambilnya dan tidak makan sesuatu apa pun daripadanya.

v. Sedekah oleh Orang yang Menanggung Hutang

Pendapat yang paling sahih dalam mazhab Syafii ialah seseorang yang mempunyai hutang ke atasnya yang tidak dapat dilangsakan (sekiranya dia bersedekah) atau dia mempunyai kewajipan untuk memenuhi tuntutan nafkah ke atas dirinya atau orang-orang yang di bawah tanggungannya, maka tidak harus baginya untuk bersedekah dengan sedekah yang sunat. Ini adalah kerana nafkah adalah hak yang wajib ke atas dirinya. Daripada ‘Abdullah ibnu ‘Amru, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

كَفَىٰ بِالْمَرءِ إِنْسَانٌ أَنْ يُصْبِغَ مَنْ يَقُولُ .

Maksudnya: “Cukuplah bagi seseorang itu dosa untuk dia mengabaikan sesiapa yang wajib dia tanggung nafkah makanannya.”

(Hadis riwayat Abu Daud)

Begin juga pembayaran hutang adalah wajib, maka ia lebih diutamakan berbanding sedekah yang sunat. Sekiranya tidak ditemui pemberi hutang atau warisnya, maka harta tersebut dibayar kepada Baitulmal.

vi. Sedekah untuk Orang yang Telah Meninggal Dunia

Adalah menjadi ijmak di kalangan ulama’ bahawa sedekah seumpama memberi makan, minuman, pakaian serta wang yang diniatkan untuk si mati dan doa seumpama: “Ya Allah! Ampunkanlah dirinya (si mati)” atau “Ya Allah! Rahmatilah dirinya (si mati),” akan memberi manfaat kepada orang yang telah meninggal dunia.

vii. Sedekah kepada Orang yang Tidak Layak Menerima Zakat

Pada asalnya, sedekah itu disunatkan pemberiannya kepada orang-orang fakir dan mereka yang berhajat serta inilah yang paling baik seperitimana yang telah diterangkan oleh fuqaha’. Namun, sedekah

kepada orang-orang kaya (orang yang tidak layak menerima zakat) juga diharuskan. Disunatkan bagi orang-orang kaya untuk tidak mengambilnya dan makruh bagi mereka untuk mempamerkan diri mereka bagi tujuan tersebut. Manakala haram bagi mereka menerimanya sekiranya mereka menzahirkan kesusahan mereka sedangkan mereka tidak susah. Istilah orang kaya di sini meliputi orang kaya dengan harta atau kaya dengan usaha (mampu bekerja).

viii. Sedekah kepada Bukan Muslim

Fuqaha' berbeza pandangan berkenaan keharusan memberi sedekah kepada golongan bukan Islam secara mutlak. Pandangan yang masyhur dalam mazhab Syafii ialah harus memberi sedekah yang sukarela kepada golongan bukan Islam secara mutlak, sama ada mereka adalah kafir zimmi atau harbi, dan sama ada mereka musta'man (yang dijamin keselamatan) atau bukan musta'man. Ini adalah bersandarkan kepada firman Allah SWT:

وَيُطْعِمُونَ الظَّعَامَ عَلَى حِلْمٍ وَسَكِينَةً وَيَتَمَّا وَأَسِرَّا (8)

Maksudnya: "Mereka juga memberi makan benda-benda makanan yang dihajati dan disukainya, kepada orang miskin dan anak yatim serta orang tawanan (bukan Muslim)."

(Surah al-Insan, ayat 8)

Daripada Abu Hurairah ra, bahwasanya Rasulullah SAW bersabda:

فِي كُلِّ ذِي كَبِدِ رَطْبَةِ أَجْرٍ .

Maksudnya: "(Segala kebajikan yang dibuat) pada setiap yang mempunyai hati yang basah (yang bernyawa) itu ada ganjaran pahala."

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

ix. Sedekah kepada Haiwan

Sedekah kepada haiwan adalah sesuatu yang diakui dan dianjurkan oleh Syariat Islam. Suraqah ibnu Malik ra berkata:

سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ضَالَّةِ الْإِبْلِ تَعْشَى حِيَاضِي قَدْ لُطْنَهَا لِإِبْلِي ، فَهَلْ لِي مِنْ أَجْرٍ إِنْ سَقَيْتُهَا ؟ قَالَ : نَعَمْ ، فِي كُلِّ ذَاتٍ كَبِدَ حَرَّى أَجْرٌ .

Maksudnya: "Aku telah bertanya Rasulullah SAW berkenaan unta yang sesat yang telah mengerumuni telaga-telagaku yang telah aku sediakan untuk untaku, maka adakah aku mendapat pahala sekiranya aku memberinya minum?" Baginda bersabda: "Ya, (segala kebajikan yang dibuat) pada setiap yang mempunyai hati yang panas (yang bernyawa) itu ada ganjaran pahala."

(Hadis riwayat Ibnu Majah dan Ahmad)

Anas ibnu Malik ra meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ عَرْسًا أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا فَيُأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَهِيمَةٌ إِلَّا كَانَ لَهُ لِهُ صَدَقَةً .

Maksudnya: "Tidak ada seorang Muslim pun yang menanam tanaman atau benih tumbuhan, lalu ia dimakan oleh burung, manusia ataupun binatang, melainkan baginya pahala sedekah."

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

2.9 PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIELAKKAN BERKAITAN SEDEKAH

Terdapat perkara-perkara penting yang perlu dielakkan oleh pemberi sedekah agar sedekahnya itu benar-benar sempurna dan diterima oleh Allah SWT sebagai amalan soleh. Perkara-perkara yang perlu dielakkan di dalam bersedekah boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu perkara-perkara haram dan perkara-perkara makruh.

i. Perkara-perkara Haram

- a) Mengungkit pemberian sedekah. Seseorang yang telah memberikan sedekah, haram untuk mengungkit pemberian sedekah yang telah diberi. Ia adalah merupakan salah satu dosa besar dan membatalkan pahala sedekah yang telah diperoleh. Allah SWT berfirman:

يَتَأْيِهَا الَّذِينَ إِمَانُوا لَا تُبْطِلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمِنَ وَالْأَذَى كَالَّذِي
يُنْفِقُونَ مَا لَهُ رِثَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمَ أَلَا خَرِّ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak), dan dia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat.”

(Surah al-Baqarah, ayat 264)

Firman Allah SWT lagi:

الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ لَا يُتَسْعَوْنَ مَا أَنفَقُوا إِنَّمَا وَلَّا
أَذْكُرُ لَهُمْ أَجْرًا هُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزُنُونَ ﴿٢٦﴾

Maksudnya: “Orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan (agama) Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang mereka belanjakan itu dengan perkataan membangkit-bangkit (pemberiannya), dan tidak pula menyinggung atau menyakiti (pihak yang diberi), mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada keimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.”

(Surah al-Baqarah, ayat 262)

- b) Meminta kembali sedekah. Fuqaha' bersepakat bahawa haram meminta kembali sesuatu sedekah yang diberi setelah penyerahan dibuat kepada penerima sedekah, sama ada sedekah itu diberikan kepada seorang yang fakir atau kaya. Daripada Aslam al-Habsyi ra, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

فَإِنْ مِثْلَ الْعَائِدِ فِي صَدَقَةٍ كَمَثْلِ الْكَلْبِ يَعُودُ فِي قِبَلِهِ .

Maksudnya: “Maka sesungguhnya perumpamaan orang yang mengambil kembali sedekahnya adalah seperti anjing yang menelan kembali muntahnya.”

(Hadis riwayat Muslim)

'Umar ibnu al-Khattab ra pula menyebut:

مَنْ وَهَبَ هِبَةً لِصَلَةِ رَحِيمٍ، أَوْ عَلَى وَجْهِ صَدَقَةٍ، فَإِنَّهُ لَا يَرْجِعُ فِيهَا .

Maksudnya: “Barang siapa yang telah memberi suatu pemberian untuk menyambung silaturrahim ataupun bagi tujuan sedekah, maka sesungguhnya dia tidak boleh merujuk kembali pada pemberiannya itu.”

(*Muwatta’ Imam Malik*)

- c) Orang kaya yang meminta sedekah. Haram bagi seseorang yang kaya dan berkemampuan untuk meminta-minta, atau menzahirkan kononnya dia seorang yang memerlukan bantuan walhal dia tidak memerlukannya walaupun dia tidak meminta-minta. ‘Abdullah ibnu ‘Umar ra meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا تَرَالُ الْمَسَأَلَةً بِأَحَدٍ كُمْ حَتَّى يَلْقَى اللَّهَ ، وَيَئِسَ فِي وَجْهِهِ مُزْعَةً لَحْمٌ .

Maksudnya: “Jika sikap meminta-minta itu terus dilakukan oleh salah seorang kamu, sehingga dia berjumpa dengan Allah (pada hari kiamat) kelak dalam keadaan tidak ada sepotong daging pun di wajahnya.”

(*Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim*)

Abu Hurairah ra meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَأَلَ النَّاسَ أَمْوَالَهُمْ تَكْثُرًا ، فَإِنَّمَا يَسْأَلُ جَمْرًا ، فَلَيُسْتَقْبَلُ أَوْ لَيُسْتَكْثَرُ .

Maksudnya: “Barang siapa yang meminta-minta kepada manusia harta-harta mereka untuk memperbanyakkan hartanya sendiri (bukan kerana hajat), maka hanya sanya dia sedang meminta bara api. Maka hendaklah dia mempersedikit atau memperbanyakkan (hal itu).”

(*Hadis riwayat Muslim*)

Hal ini dikiaskan kepada sebuah hadis Rasulullah SAW berkenaan seorang ahli Suffah yang wafat dan meninggalkan harta sebanyak dua dinar (yang telah beliau ambil tanpa keizinan daripada harta ghanimah), Baginda bersabda:

كَيْتَانٍ (مِنْ نَارٍ) .

Maksudnya: “Dua luka kepanasan (daripada api neraka).”
(*Hadis riwayat Ahmad*)

ii. Perkara-perkara Makruh

- a) Bersedekah dengan sesuatu yang buruk. Makruh bagi seseorang itu untuk bersedekah dengan sesuatu yang buruk daripada hartanya, contohnya seperti perabot-perabot yang sudah buruk atau baju-baju yang sudah lusuh warnanya. Allah SWT berfirman:

يَتَأْكِلُهَا الَّذِينَ إِمَانُوا أَنْ يَقْرُؤُوا مِنْ طَيْبَاتِ مَا كَسَبُتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجَنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَعْمَلُوا الْخَيْثَةَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَا سُمْرٌ يَعْدِيهِ إِلَّا أَنْ تُقْمِضُوا فِيهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَنِ الْحَمْدِ
٦٧

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamujadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.”

(Surah al-Baqarah, ayat 267)

- b) Bersedekah dengan harta yang syubhah. Makruh bagi pemberi sedekah untuk memberi sedekah daripada hartanya yang syubhah, contohnya seperti wang yang tidak dapat ditentukan status halal atau haramnya.
- c) Membeli semula harta yang disedekahkan. Makruh juga bagi seseorang yang telah bersedekah untuk mendapatkan semula harta sedekahnya itu melalui jalan jual beli atau hibah melainkan sekiranya dia mewarisi harta tersebut melalui jalan harta warisan.
- d) Memandang remeh harta yang disedekahkan. Makruh untuk kita memandang kecil atau remeh sesuatu sedekah itu walaupun ianya dalam kuantiti yang sedikit, contohnya seperti sedekah wang dalam kuantiti yang sedikit.

2.10 KESIMPULAN

Sedekah merupakan satu kebajikan harta yang amat dianjurkan dalam Islam. Ia disunatkan pada setiap waktu dan menjadi lebih afdhal mengikut masa, tempat dan keadaan tertentu. Sedekah memberi kebaikan kepada semua pihak sama ada pemberi, penerima dan masyarakat sekeliling. Manfaatnya juga meliputi kebaikan di dunia dan ganjaran di akhirat. Pihak yang bersedekah perlulah memelihara adab-adab yang dituntut dan penerima perlu amanah sekiranya pihak pemberi sedekah telah meletakkan tujuan yang khusus bagi wang sedekah tersebut. Sedekah adalah lebih fleksibel berbanding zakat dan oleh itu, ia dapat dikembangkan dari sudut sumber dan penggunaannya berbanding zakat.

BAB 3



PENGURUSAN WANG KHAIRAT DI MALAYSIA

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طِبَّكُتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu...”

(Surah al-Baqarah, ayat 267)

3.1 PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah Negara Persekutuan yang dianggotai oleh 13 buah negeri tidak termasuk Wilayah-wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya). Sebagai sebuah Negara Persekutuan, maka Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan dengan jelas pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri-negeri.

Berhubung dengan wang khairat, maka ia adalah termasuk di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Peruntukan berkenaan dengan pungutan wang khairat ada terdapat dalam statut pentadbiran agama Islam setiap negeri. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih tidak terdapat satu undang-undang dan *standard operation procedure* (SOP) yang khusus dan seragam antara MAIN bagi pengurusan wang khairat ini.

3.2 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

i. Perlembagaan Persekutuan

Pembahagian kuasa legislatif antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dilakukan berdasarkan Perkara 74 berserta Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Perkara 74(1), Perlembagaan Persekutuan menyatakan tentang kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang dinyatakan di bawah Senarai Persekutuan (Senarai I) dan Senarai Bersama (Senarai III) dalam Jadual Kesembilan. Peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

“Tanpa menjelaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberi kepadanya oleh mana-mana Perkara lain, Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama (iaitu Senarai Pertama atau Ketiga yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan).”

Sementara itu, Perkara 74(2), Perlembagaan Persekutuan menyatakan tentang bidang kuasa Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang mengenai perkara-perkara yang dinyatakan di bawah Senarai Negeri (Senarai II) dan Senarai Bersama (Senarai III) dalam Jadual Kesembilan. Peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

“Tanpa menjelaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberi kepadanya oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan sesuatu negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.”

Menurut Perkara 73, Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh membuat undang-undang bagi seluruh atau mana-mana bahagian Persekutuan dan juga undang-undang yang berkuat kuasa luar serta dalam persekutuan. Manakala Badan Perundangan Negeri pula boleh membuat undang-undang bagi seluruh atau mana-mana bahagian negeri itu sahaja.

Di samping itu, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang tidak dinyatakan dalam mana-mana senarai seperti yang dinyatakan di bawah Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Hal ini dinyatakan secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 77 seperti berikut:

“Badan Perundangan sesuatu Negeri adalah berkuasa membuat undang-undang mengenai apa-apa yang tidak disebut satu persatu dalam mana-mana senarai yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, iaitu yang bukan suatu perkara yang berkenaan dengannya Parlimen berkuasa membuat undang-undang.”

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 74(1) dan (2), Perlembagaan Persekutuan di atas, terdapat tiga senarai iaitu Senarai Persekutuan (Senarai I), Senarai Negeri (Senarai II) dan Senarai Bersama (Senarai III). Ketiga-tiga senarai ini memperincikan bidang kuasa Badan Perundangan Persekutuan (Parlimen) dan Badan Perundangan Negeri dalam membuat undang-undang.

Jika diperhatikan kepada pembahagian kuasa perundangan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sebagaimana yang dinyatakan secara jelas dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, didapati bahawa Parlimen mempunyai kuasa yang terhad kepada perkara-perkara yang tercatat dalam Senarai Persekutuan (Senarai I) dan Senarai Bersama (Senarai III) sahaja. Oleh itu, Parlimen tiada kuasa untuk membuat undang-undang berkaitan perkara yang disenaraikan di bawah Senarai Negeri (Senarai II). Namun demikian, Perkara 76(1), Perlembagaan Persekutuan telah membolehkan Parlimen membuat undang-undang tentang perkara yang tercatat di bawah Senarai Negeri (Senarai II) bagi mencapai tiga tujuan seperti berikut:

- a) bagi maksud melaksanakan apa-apa triti, perjanjian atau konvensyen antara Persekutuan dengan mana-mana negara lain, atau apa-apa keputusan sesuatu organisasi antarabangsa yang dianggotai oleh Persekutuan; atau
- b) bagi maksud menggalakkan keseragaman undang-undang antara dua negeri atau lebih; atau
- c) jika diminta sedemikian oleh Dewan Undangan mana-mana Negeri.

Berdasarkan kepada pembahagian kuasa perundangan antara persekutuan dan negeri sebagaimana yang telah dibincangkan, didapati bahawa badan perundangan negeri berbidang kuasa untuk membuat undang-undang yang menyentuh mengenai undang-undang Islam, termasuklah wang khairat. Hal ini dapat dilihat melalui peruntukan Senarai II (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara Mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.”

ii. Akta / Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri

Berdasarkan peruntukan Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, semua badan perundangan negeri dan Parlimen bagi Wilayah-wilayah Persekutuan telah menggubal statut

Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri masing-masing yang antara lain memperuntukkan perkara berkaitan dengan pungutan khairat. Sebagai contoh, Seksyen 84(1), (2) dan (3), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) memperuntukkan:

- (1) Majlis boleh memungut, atau memberikan surat kebenaran dengan terma-terma yang difikirkan patut kepada mana-mana orang atau kumpulan orang, membenarkan orang atau kumpulan orang itu memungut wang atau sumbangan-sumbangan lain bagi apa-apa maksud khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah-faedah orang-orang Islam mengikut hukum syarak.
- (2) Maka hendaklah disifatkan sebagai satu terma tiap-tiap surat kebenaran itu bahawa penerima kebenaran itu dan tiap-tiap orang lain yang dibenarkan melaluinya untuk memungut wang atau sumbangan lain hendaklah:
 - a) mengeluarkan berkenaan dengan tiap-tiap jumlah wang yang dipungut sedemikian suatu resit mengikut nombor siri dalam borang yang ditetapkan;
 - b) menyimpan akaun-akaun yang benar dan lengkap bagi semua jumlah wang yang dipungut sedemikian dan tentang pelupusannya dengan semua baucer yang sepatutnya;
 - c) mengemukakan apabila dituntut potongan resit dan semua akaun dan baucer-baucer itu bagi pemeriksaan dan pengauditan oleh Majlis;
 - d) menggunakan dan melupuskan semua jumlah wang itu dibenarkan dengan nyata olehnya, membayar dan mengakaunkan kepada Baitulmal.
- (3) Wang yang dipungut menurut seksyen ini bolehlah digunakan bagi apa-apa maksud yang dinyatakan oleh Majlis, dan jika tiada maksud dinyatakan oleh Majlis, dan jika tiada maksud dinyatakan sedemikian, hendaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang.

Peruntukan yang hampir sama juga terdapat dalam setiap perundangan negeri-negeri seperti berikut:

- a) Seksyen 106(1), (2) dan (3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003;
- b) Seksyen 69(1), (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Kedah) 2008;
- c) Seksyen 67(1), (2) dan (3) Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994;
- d) Seksyen 94(1), (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002;
- e) Seksyen 106(1), (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003;
- f) Seksyen 86(1), (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991;
- g) Seksyen 106(1), (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004;
- h) Seksyen 95(1), (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perak) 2004;
- i) Seksyen 106(1), (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006;
- j) Seksyen 106(1), (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003;
- k) Seksyen 90(1), (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Negeri Terengganu) 2001; dan
- l) Seksyen 67(1), (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Sabah) 1992.

Berdasarkan peruntukan perundangan di atas, jelas bahawa MAIN telah diberi kuasa untuk membenarkan orang perseorangan atau pihak-pihak tertentu memungut sumbangan bagi tujuan khairat tertentu. Wang khairat yang dipungut oleh mana-mana pihak yang diluluskan oleh MAIN hendaklah digunakan bagi tujuan atau maksud sebagaimana yang telah diluluskan. Namun, jika wang khairat yang dipungut tanpa apa-apa tujuan yang khusus, maka ia hendaklah menjadi sebahagian daripada Wang Kumpulan Majlis atau Baitulmal.

Justeru, menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana pihak yang memungut wang khairat tanpa surat kebenaran MAIN dan boleh dikenakan hukuman sama ada denda atau penjara atau kedua-duanya sekali. Sebagai contoh, Seksyen 84(4) dan (5), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) memperuntukkan:

-
- (4) Tiada seorang pun boleh membuat atau mengambil apa-apa pungutan wang bagi apa-apa maksud seperti yang disebutkan terdahulu itu kecuali dengan kuasa nyata daripada Majlis atau menurut kuasa surat kebenaran di bawah seksyen (1).
 - (5) Mana-mana orang yang melanggar sub-seksyen (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

Hukuman yang dikenakan bagi pihak-pihak tertentu yang memungut wang khairat tanpa kebenaran MAIN adalah berbeza-beza mengikut undang-undang negeri masing-masing seperti berikut:

- a) Wilayah Persekutuan, Kedah, Kelantan, Melaka, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor dan Sabah telah memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang tidak mendapat kebenaran MAIN memungut wang khairat tanpa kebenaran dan apabila disabitkan oleh Mahkamah Syariah boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan, atau didenda tidak melebihi RM1,000.00, atau kedua-duanya.
- b) Johor dan Terengganu telah memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang tidak mendapat kebenaran MAIN memungut wang khairat tanpa kebenaran dan apabila disabitkan oleh Mahkamah Syariah boleh didenda tidak melebihi RM3,000.00, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya.
- c) Negeri Sembilan telah memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang tidak mendapat kebenaran MAIN memungut wang khairat tanpa kebenaran dan apabila disabitkan oleh Mahkamah Syariah boleh didenda tidak melebihi RM3,000.00, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya.

Selain itu, undang-undang negeri Kelantan (Seksyen 128, Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994) dan Pahang (Seksyen 86(5), Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Pahang 1991) memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah boleh memerintahkan mana-mana wang atau harta yang dikumpulkan melalui kutipan khairat tanpa kebenaran diserahkan kepada Baitulmal atau MAIN.

Di samping itu juga, Seksyen 129(1), Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang menyalahgunakan kutipan wang khairat dan jika disabitkan oleh Mahkamah Syariah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM4,000.00, atau penjara tidak melebihi tempoh dua tahun, atau kedua-duanya.

Jika diteliti kepada peruntukan undang-undang di atas, telah ada suatu peruntukan yang agak jelas berhubung dengan pungutan atau kutipan wang khairat. Walau bagaimanapun, MAIN boleh merangka kaedah atau peraturan yang lebih jelas berhubung dengan perkara ini sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang pentadbiran agama Islam setiap negeri. Sebagai contoh, Seksyen 99(e), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) memperuntukkan:

“Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Majlis, membuat kaedah-kaedah, yang hendaklah disiarkan dalam Warta, bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini, dan khususnya, tetapi tanpa menjelaskan kelulusan yang terdahulu, kaedah-kaedah itu boleh mengadakan peruntukan bagi:

- a)
- b)
- c)
- d)
- e) pengelolaan mana-mana pungutan khairat dan pelupusan hasilnya;”

iii. Undang-undang Persekutuan yang Lain

Selain dari peruntukan yang terdapat dalam undang-undang pentadbiran agama Islam negeri-negeri berhubung dengan kesalahan pungutan wang khairat tanpa kebenaran MAIN, terdapat dua undang-undang lain di peringkat Persekutuan yang boleh dihubungkaitkan dengan kesalahan pungutan wang khairat iaitu Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 (Akta 670).

Namun demikian, kedua-dua undang-undang berkenaan menyentuh mengenai pihak-pihak yang mempergunakan kanak-kanak bagi memungut derma atau wang khairat dan individu tertentu bagi tujuan meraih keuntungan daripada hasil eksploitasi orang yang diperdagangkan menerusi pungutan derma. Peruntukan bagi kedua-dua undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

- a) Seksyen 32, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) memperuntukkan:

“Mana-mana orang yang menyebabkan atau mengakibatkan mana-mana kanak-kanak atau, sebagai seorang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak, membenarkan kanak-kanak itu berada di mana-mana jalan, premis atau tempat bagi maksud:

- (b) mengemis, menerima sedekah, sama ada atau tidak dengan dalih menyanyi, bermain, membuat persembahan atau menawarkan apa-apa jua untuk jualan; atau
- (c) menjalankan penjajaan yang menyalahi undang-undang, loteri haram, perjudian atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang yang memudaratkan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak itu, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”
- d) Seksyen 14, Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 (Akta 670) memperuntukkan:

“Mana-mana orang, yang memperdagangkan orang yang merupakan seorang kanak-kanak, bagi maksud eksploitasi, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun, dan boleh juga didenda.”

- e) Seksyen 15, Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 (Akta 670) memperuntukkan:

“Mana-mana orang yang mendapatkan keuntungan daripada pengeksploitasi orang yang diperdagangkan melakukan suatu

kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun, dan boleh juga didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.”

Kanak-kanak yang dimaksudkan oleh undang-undang di atas ialah mereka yang berumur di bawah 18 tahun. Manakala eksloitasi pula bermaksud segala bentuk eksloitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian, apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia. Oleh itu, kegiatan pungutan derma atau khairat dengan mempergunakan kanak-kanak atau mengeksloitasi individu tertentu adalah terangkum dalam kedua-dua undang-undang di atas.

3.3 PERANAN AGENSI-AGENSI BERKAITAN

- i. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
 - a) Bertindak sebagai agensi penyelaras di peringkat pusat untuk memastikan keseragaman pengurusan wang khairat;
 - b) Menerbitkan panduan umum pengurusan wang khairat untuk dijadikan rujukan di negeri-negeri; dan
 - c) Mewujudkan satu pangkalan data dan sistem berpusat tentang kutipan wang khairat untuk rujukan semua.
- ii. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)
 - a) Merangka undang-undang, peraturan atau kaedah pengurusan wang khairat;
 - b) Mengelola mana-mana pungutan khairat dan pelupusan hasilnya secara lebih sistematik;
 - c) Meneliti permohonan pungutan wang khairat dan meluluskannya bagi pihak yang benar-benar layak;
 - d) Mewujudkan seksyen khairat atau unit khairat di bawah Baitulmal;
 - e) Memantau kegiatan pungutan wang khairat supaya tidak menyeleweng dari tujuan asal;
 - f) Membentuk jawatankuasa khas penguatkuasaan dan pemantauan kegiatan pungutan wang khairat;

- g) Memberi kuasa kepada Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) mengambil tindakan tegas terhadap penyalahgunaan wang khairat dan kegiatan pungutan wang khairat tanpa kebenaran dan menyalahi undang-undang; dan
- h) Memberi pendidikan dan kefahaman kepada masyarakat mengenai kepentingan melakukan sedekah atau derma untuk tujuan kebaikan serta akibat penyalahgunaan pungutan wang khairat.

iii. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

- a) Memantau kegiatan pungutan wang khairat atau derma di kalangan kanak-kanak dan pihak tertentu yang mengeksplorasi individu tertentu berdasarkan undang-undang yang ada;
- b) Menguatkuasakan peruntukan undang-undang yang sedia ada dengan lebih tegas;
- c) Bekerjasama dengan pihak polis dalam mengambil tindakan perundangan terhadap pihak-pihak yang melanggar undang-undang; dan
- d) Mewujudkan jawatankuasa khas bagi memantau kegiatan pungutan wang khairat atau derma yang menyalahi undang-undang.

iv. Polis Diraja Malaysia (PDRM)

- a) Bekerjasama dengan pihak MAIN, JAIN dan JKM dalam membanteras penipuan yang dilakukan dalam kegiatan kutipan wang khairat atau derma; dan
- b) Merujuk kepada pihak MAIN atau JKM sekiranya ada tangkapan dibuat bagi kes-kes kutipan khairat atau derma tanpa kebenaran pihak berkuasa atau mempunyai unsur-unsur penipuan.

v. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

- a) Memantau kegiatan kutipan wang khairat atau derma yang dilakukan di premis-premis sekitar bandar dan kawasan-kawasan awam seperti di kaki-kaki lima bangunan, kawasan pasar, kedai-kedai makan dan sebagainya; dan
- b) Merujuk kepada pihak MAIN, JAIN atau JKM sekiranya terdapat kegiatan kutipan wang khairat atau derma tanpa kebenaran pihak berkuasa.

3.4 PROSEDUR PENGURUSAN WANG KHAIRAT DI MAIN

Prosedur pengurusan pungutan dan pengelolaan wang khairat amat diperlukan bagi memastikan perjalanannya dipantau dari semasa ke semasa dan MAIN mempunyai kawalan dalaman yang berkesan ke atas setiap institusi-institusi atau pihak-pihak yang diberikan kebenaran membuat kutipan. Beberapa kriteria yang boleh diambil kira di sini adalah seperti berikut:

i. Mewujudkan Jawatankuasa Pungutan Khairat MAIN

Konsep pungutan khairat sebenarnya mempunyai maksud dan fungsi yang luas. Ia bukan sahaja berperanan menampung kos pembinaan atau penyelenggaraan bagi pembangunan sesebuah institusi, tetapi berfungsi merangsang masyarakat untuk sama-sama “berta‘awun” atau menyubur amalan bersedekah di kalangan masyarakat.

Selaras dengan perkembangan aktiviti pungutan khairat yang semakin menjadi perhatian kini serta kadang-kala menimbulkan salah tanggap orang ramai, maka adalah dicadangkan supaya setiap MAIN mewujudkan Jawatankuasa Pungutan Khairat di negeri masing-masing.

Penubuhan Jawatankuasa ini dilihat mampu meredakan polemik seterusnya meningkatkan kredibiliti MAIN khususnya dan Baitulmal amnya sebagai badan pemegang amanah harta orang Islam.

Jawatankuasa ini boleh dipengerusikan oleh ahli MAIN atau Setiausaha MAIN dan dianggotai oleh wakil masyarakat, Penasihat Undang-undang MAIN, Bahagian Audit Dalam MAIN, Bahagian Penguatkuasaan JAIN, Bahagian Pengurusan Masjid JAIN dan Bahagian Baitulmal sebagai Setiausaha Mesyuarat.

Mesyuarat Jawatankuasa Pungutan Khairat ini bolehlah diadakan dua bulan sekali. Mereka bertanggungjawab untuk memutuskan atau membincangkan berkaitan permohonan bagi kebenaran baru atau kebenaran lanjutan, meneliti sebarang aduan ketidakpatuhan atau seumpamanya, mengadakan semakan penyata kewangan kutipan bagi sesebuah institusi yang dikehendaki dan memutuskan tindakan penguatkuasaan.

ii. Mewujudkan Unit / Seksyen Pungutan Khairat

Pengelolaan pengurusan pungutan khairat berbeza antara negeri-negeri di negara ini. Ada yang diletakkan di bawah JAIN dan MAIN.

Sebagai contoh, di negeri Perlis, ia berada di bawah Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs). Di negeri Johor di bawah Bahagian Undang-undang Syariah, Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ). Di negeri Kelantan, ia tertakluk di bawah Unit Pentadbiran Am dan Sumber Manusia, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Di negeri Perak, ia berada di bawah Bahagian Hartanah, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk). Sementara di negeri Selangor, ia terletak di bawah Bahagian Harta Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Melalui prosedur tadbir urus terbaik ini, adalah dicadangkan kepada semua MAIN mewujudkan Unit atau Seksyen Pungutan Khairat yang khas yang akan memantau segala kebenaran membuat pungutan khairat yang dikeluarkan kepada mana-mana pemohon. Antara lain, peranan yang boleh dimainkan oleh unit tersebut ialah selain daripada pengelolaan pengurusan pungutan khairat, ia juga boleh menjadi unit seliaan bagi segala aktiviti derma, tabung-tabung amanah, sedekah tabarru' dan tabung sumbangan anak yatim.

Pada masa yang sama, Unit ini akan bersama-sama membantu Bahagian Penguatkuasaan JAIN untuk membanteras aktiviti pungutan khairat tanpa kebenaran yang berleluasa.

iii. Justifikasi Pemohon atau Pengutip

Permohonan bagi mendapatkan kebenaran membuat pungutan khairat hendaklah mana-mana individu yang mewakili kumpulan orang atau institusi seperti masjid, surau, madrasah, ma'ahad, sekolah atau pertubuhan. Pemohon sama ada merupakan ahli jawatankuasa tetap, ahli jawatankuasa penaja (protem) atau ahli jawatankuasa pembangunan dilantik mewakili kumpulan orang atau institusi.

Permohonan daripada individu adalah tidak dibenarkan sama sekali dan sekiranya ada, ia boleh untuk dicadangkan supaya dipanjangkan kepada Baitulmal atau pusat zakat bagi tujuan siasatan atau terimaan bantuan asnaf.

Pemohon juga hendaklah warganegara Malaysia dan permohonan adalah daripada pemohon dalam mana-mana negeri di Malaysia. Pemohon atau pengutip yang berumur di bawah 18 tahun atau bukan warganegara adalah tidak dibenarkan sama sekali.

iv. Jenis Permohonan

Setiap permohonan boleh diklasifikasikan mengikut tujuan-tujuan berikut:

a) Pembinaan Baru

Pembinaan baru bagi mendirikan masjid, surau, madrasah, ma'ahad, sekolah atau pertubuhan.

b) Pembinaan Semula

Pembinaan semula bangunan masjid, surau, madrasah, ma'ahad, sekolah atau pertubuhan di atas bangunan sedia ada.

c) Pembaikan

Pembaikan yang meliputi kerja-kerja ke atas bangunan sedia ada seperti pembaikan atap, tandas, longkang atau struktur bangunan.

d) Penyelenggaraan

Penyelenggaraan sesebuah bangunan atau organisasi seperti perbelanjaan menyelenggarakan bangunan sekolah, perbelanjaan mengelola sesuatu pertubuhan dan yang berkaitan.

e) Tabung Bencana

Mewujudkan tabung-tabung bencana seperti tabung bencana tsunami, tabung mangsa banjir, tabung mangsa tanah runtuh dan sebagainya.

f) Tabung Bantuan Umum

Mewujudkan tabung bantuan umum umat Islam seperti untuk rakyat Palestin, Syria, Rohingya atau mana-mana negara.

g) Projek Amal

Mewujudkan projek kebajikan atau amal oleh persatuan atau pertubuhan pelajar atau NGO seperti bantuan anak yatim, projek membersihkan alam sekitar dan seumpamanya.

Permohonan selain daripada tujuan di atas adalah tidak dibenarkan sama sekali.

v. Mengadakan Polisi Pentadbiran

Setiap MAIN harus mengadakan polisi tetap bagi melaksanakan kebenaran membuat pungutan khairat dan dipatuhi oleh bahagian atau pegawai yang dipertanggungjawabkan. Berikut adalah polisi yang boleh digunakan dalam prosedur ini:

- a) Mewujudkan Borang Permohonan Pungutan Khairat yang dikeluarkan oleh MAIN (rujuk Lampiran 1) yang mengandungi jenis permohonan, senarai ahli jawatankuasa, nombor pendaftaran, nombor akaun bank, amaun kutipan, pengesahan Pegawai Penyelaras Masjid Daerah dan sokongan Pegawai Tadbir Agama Daerah (Kadi). Permohonan daripada luar negeri hendaklah mendapat pengesahan pegawai MAIN negeri pemohon.
- b) Permohonan juga hendaklah disertakan bersama dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan seperti geran atau pengesahan status tanah, pelan tapak, pelan bangunan serta mana-mana dokumen daripada agensi-agensi berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Jabatan Pendidikan atau mana-mana badan yang berautoriti.
- c) Mewujudkan fi bayaran ke atas setiap permohonan baru atau lanjutan, contohnya:
 - a. Permohonan Baru : RM 50.00 (setiap permohonan)
 - b. Permohonan Lanjutan : RM 30.00 (setiap permohonan)
 - c. Kad Kebenaran Memungut : RM 10.00 (setiap orang)
- d) Apabila sesuatu permohonan diluluskan, maka Surat Kebenaran Membuat Pungutan Khairat akan dikeluarkan yang mengandungi tujuan kutipan, tempoh kutipan, senarai nama (penerima kebenaran) pengutip, syarat-syarat kutipan dan tanda tangan Setiausaha MAIN (rujuk Lampiran 2).
- e) Setiap pemohon dan penerima kebenaran wajib mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu:

- Tidak dibenarkan membuat pungutan khairat di tempat-tempat awam seperti dari rumah ke rumah, pusat-pusat membeli belah, bank-bank, pasar-pasar malam, restoran-restoran, stesen-stesen minyak dan sebagainya;
- Kutipan hendaklah dipohon terus kepada individu-individu tertentu yang berminat untuk menderma contohnya seperti tokoh-tokoh korporat, pejabat-pejabat kerajaan atau swasta;
- Mengeluarkan resit penerimaan mengikut nombor siri ke atas setiap wang yang dipungut;
- Membelanjakan wang pungutan khairat hanya mengikut tujuan asal surat kebenaran ini dikeluarkan;
- Menunjukkan segala potongan resit / kupon, akaun dan baucar bagi diperiksa dan diaudit oleh pihak MAIN apabila dikehendaki;
- Hanya individu yang diberi kebenaran sahaja yang dibenarkan menjalankan pungutan khairat; dan
- Menyediakan laporan bertulis pungutan khairat kepada pihak MAIN apabila pungutan khairat selesai dijalankan.

Sekiranya syarat-syarat tersebut gagal dipatuhi, pihak MAIN tidak akan teragak-agak menarik balik kebenaran pungutan khairat serta merta.

- f) Setiap penerima kebenaran akan dibekalkan dengan kad kebenaran memungut bagi memudahkan urusan pungutan (rujuk Lampiran 3). Penerima kebenaran bagi setiap kebenaran hendaklah tidak melebihi 10 orang;
- g) Setiap kebenaran yang dikeluarkan hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh enam (6) bulan sahaja. Pemohon juga boleh membuat permohonan lanjutan berserta dengan dokumen-dokumen sokongan bagi melanjutkan tempoh kutipan (rujuk Lampiran 4);
- h) Laporan Pungutan Khairat hendaklah dibentangkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal, MAIN setiap enam (6) bulan sekali;
 - i) Bayaran sebanyak RM50 dikenakan kepada penerima kebenaran memungut yang gagal memulangkan semula kad kebenaran memungut kepada MAIN. Satu Akuan Berkanun dan laporan polis hendaklah dibuat oleh penerima kebenaran memungut dan menyerahkan salinan Akuan Berkanun dan laporan polis tersebut kepada MAIN;

- j) Apabila sesuatu permohonan itu diluluskan oleh Jawatankuasa Pungutan Khairat MAIN, satu sesi taklimat dan penerangan perlu diberikan kepada wakil badan terbabit bersama dengan setiap penerima kebenaran atau orang yang diberi kuasa memungut;
- k) Semua resit-resit yang dikeluarkan oleh pemohon hendaklah mempunyai cop MAIN dan resit-resit tersebut hendaklah didaftarkan dalam buku daftar resit pungutan khairat MAIN;
- l) Antara lain juga di dalam polisi pentadbiran ini, MAIN hendaklah menyemak tempoh kebenaran yang dikeluarkan, disemak dan dikemas kini dari semasa ke semasa. Pemantauan fizikal sama ada berkenaan tatacara pelaksanaan pungutan, aktiviti, terimaan kutipan, perbelanjaan dan yang berkaitan boleh dilaksanakan secara berkala;
- m) Satu surat peringatan tamat tempoh kebenaran memungut hendaklah dikeluarkan oleh pegawai yang bertanggungjawab sebelum tempoh kebenaran memungut tamat; dan
- n) Setiap aduan mengenai aktiviti pungutan khairat tanpa kebenaran hendaklah dipanjangkan kepada Bahagian Penguatkuasaan, JAIN dengan kadar segera.

vi. Mengadakan Penguatkuasaan Undang-undang yang Seragam

MAIN melalui Bahagian Penguatkuasaan JAIN boleh melaksanakan pemantauan secara berkala ke atas individu yang sering melakukan perbuatan membuat pungutan khairat di tempat-tempat awam. MAIN boleh dari semasa ke semasa membuat lawatan ke masjid-masjid, sekolah-sekolah atau pertubuhan-pertubuhan bagi mengetahui dengan lebih dekat keadaan semasa institusi-institusi terbabit selaras dengan kebenaran yang telah dikeluarkan.

MAIN juga boleh menguatkuasakan peraturan-peraturan yang perlu sebagaimana diperuntukkan, contohnya di dalam Seksyen 122 (2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003:


- (b) fi yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan di bawah atau menurut Enakmen ini, dan cara memungut dan melupuskan fi-fi itu; dan


(e) Pengelolaan Pungutan Khairat dan Pelupusan Hasilnya.

Di bawah prosedur pengurusan wang khairat ini, adalah dicadangkan kepada mana-mana pemohon yang melanggar peraturan dan terma-terma yang telah dikuatkuasakan, maka MAIN boleh mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Mengeluarkan surat tunjuk sebab dan surat peringatan kepada pemohon yang melanggar peraturan dan syarat pungutan khairat MAIN;
- b) Menarik balik kelulusan pemberian kuasa pungutan khairat serta merta; atau
- c) Mengenakan tindakan undang-undang dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan, atau kedua-duanya, atau berdasarkan peruntukan enakmen pentadbiran negeri masing-masing.

3.5 CARTA ALIR PENGURUSAN PUNGUTAN KHAIRAT





3.6 KESIMPULAN

Melalui sistem pengurusan pungutan khairat yang dikemukakan ini, adalah menjadi suatu tanggungjawab kepada kita semua untuk sama-sama menegakkan syiar Islam dengan cara yang syumul. Sumbangan masyarakat ke atas sesuatu kutipan harus dipantau dengan cara yang betul supaya setiap sumbangan itu sampai kepada matlamat asalnya iaitu untuk membangunkan aset-aset umat Islam serta membantu meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam.

Melihat kepada *trend* pungutan yang seringkali menjadi buah mulut masyarakat, seharusnya kita sebagai agensi Islam menggunakan kredibiliti yang ada untuk menambah baik fungsi dan peranan yang boleh dimainkan oleh kita semua. Tatacara pelaksanaan setiap aktiviti perlu dinilai dari semasa ke semasa. Kita tidak mahu umat Islam ini dipandang serong oleh sebilangan agama lain. Kita tidak mahu mendidik umat Islam meminta-minta terutamanya di tempat-tempat awam pada masa yang sama agensi yang sama yang boleh membantu tidak prihatin dengan situasi tersebut.

Peranan kita sebagai agensi Islam seharusnya diperlihatkan dalam bentuk yang cemerlang dan terbaik. Sentiasa berada di hadapan dalam menyelesaikan masalah ummah, sentiasa terkehadapan dalam memacu kecemerlangan ummah, sentiasa bersedia menyampaikan bantuan dan sebagainya. Untuk itu, semoga dengan wujudnya model pengurusan pungutan khairat ini mampu membantu MAIN ke arah mencapai misi dan visinya untuk sentiasa cemerlang mengemudi umat Islam menjadi umat yang cemerlang, *baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur*.

BAB 4



PENUTUP

Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ الصَّدَقَةَ لَتُطْفِئُ غَصَبَ الرَّبِّ وَتَدْفَعُ عَنْ مِيَاتَةِ السُّوءِ .

Maksudnya:

“Sesungguhnya sedekah itu pasti memadamkan kemurkaan Tuhan dan melindungi daripada kematian yang buruk.”

(Hadis riwayat al-Tirmizi)

4.1 PENGENALAN

Penerbitan MPWK ini diharap akan dapat memberikan kefahaman kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan masyarakat umum tentang kepentingan instrumen khairat iaitu sedekah atau derma dalam mengangkat taraf sosio-ekonomi ummah dan membantu golongan-golongan yang memerlukan bantuan. Justeru, setiap individu dan organisasi yang terbabit adalah berhak bertindak berdasarkan panduan yang telah diperjelaskan dalam MPWK ini terutamanya tentang aspek perundangan dan prosedur tadbir urus terbaik wang khairat bagi umat Islam.

4.2 LANGKAH-LANGKAH MEMPERKASA PENGURUSAN WANG KHAIRAT DI BAITULMAL

i. Penyeragaman Kaedah Pengurusan Wang Khairat di Baitulmal

Buat masa ini, pengurusan wang khairat (derma / sedekah) yang dilaksanakan di negeri-negeri adalah tidak seragam dan

mengikut kaedah yang diwujudkan di peringkat negeri-negeri serta dalam ruang lingkup negeri masing-masing. Justeru, penerbitan Manual ini diharapkan agar dapat menjadi garis panduan bagi tujuan penyeragaman dan penyelarasaran tadbir urus wang khairat di seluruh Malaysia.

ii. Pembangunan Sistem Pemantauan Wang Khairat Secara Berpusat

Satu sistem bersepada perlu diwujudkan di peringkat pusat sebagai pangkalan data secara berpusat tentang kebenaran-kebenaran bagi kutipan khairat di seluruh Malaysia. Sistem yang dibangunkan ini boleh menjadi tempat rujukan masyarakat umum untuk menyemak sama ada kutipan khairat yang dilakukan oleh individu atau institusi-institusi tertentu adalah sah atau tidak mengikut peruntukan undang-undang negara ini.

iii. Memperhebat Penguatkuasaan oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIN

Pegawai-pegawai Penguatkuasa di JAIN perlu memperhebatkan aktiviti penguatkuasaan untuk mengesan sekiranya terdapat unsur-unsur penipuan dalam aktiviti kutipan khairat di negeri masing-masing. Sejak kebelakangan ini, banyak aduan dilaporkan di media-media massa tentang penipuan yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu dalam aktiviti kutipan khairat untuk kepentingan diri sendiri.

iv. Hebahan Maklumat kepada Masyarakat Umum berkaitan Bidang Kuasa Baitulmal dalam Kutipan Khairat

Masyarakat Islam di negara ini rata-ratanya tidak mengetahui tentang bidang kuasa Baitulmal atau MAIN berhubung kutipan wang khairat dari segi perundangan, pemantauan dan juga penguatkuasaan di negeri masing-masing. Program-program berbentuk hebahan dan pendidikan perlu diperhebat di media massa seperti melalui artikel di akhbar-akhbar utama, iklan di radio serta televisyen dan sebagainya untuk menambahkan lagi kefahaman dan kesedaran masyarakat berkaitan isu ini.

4.3 IMPAK

Menerusi MPWK ini, beberapa implikasi positif adalah diharapkan seperti berikut:

i. Peningkatan Ilmu Pengetahuan dan Kefahaman Umat Islam Tentang Konsep serta Pengurusan Wang Khairat

Menerusi penerbitan MPWK ini, para pembaca berkesempatan untuk menambah ilmu pengetahuan dan kefahaman mereka melalui pembacaan dalam bab yang menyentuh konsep wang khairat (derma / sedekah) serta dalil-dalil daripada Al-Quran dan Hadis. Justeru, menerusi huraian yang dibuat dengan mengemukakan isu-isu dan permasalahan semasa serta aspek perundangan berhubung kutipan wang khairat ini, diharapkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam tentang kaedah pengurusan wang khairat di negara ini dapat diperbetulkan. Seterusnya, penerangan tentang prosedur kutipan khairat di Malaysia akan memperjelaskan kepada para pembaca tentang prosedur yang sebenarnya yang perlu dipatuhi sebelum melakukan sebarang aktiviti kutipan khairat untuk maslahat umat Islam.

ii. Peningkatan Masyarakat Islam yang Menyumbang

Dengan meningkatnya ilmu pengetahuan dan kefahaman masyarakat Islam serta dengan bertambahnya keyakinan masyarakat Islam kepada kaedah pengurusan kutipan khairat di Malaysia yang dipantau oleh pihak MAIN, diharapkan agar semakin ramai masyarakat Islam yang bersedia untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi ummah seperti dalam program pembinaan masjid, rumah anak yatim dan sebagainya. Perkara ini akan tercapai sekiranya keyakinan masyarakat kepada sistem kutipan khairat di negara ini dapat dipertingkatkan.

iii. Pengurusan Wang Khairat yang Seragam di Setiap MAIN

Penerbitan MPWK ini juga bertujuan menyediakan garis panduan serta prosedur yang jelas dan seragam berkaitan

tadbir urus terbaik wang khairat di semua MAIN. Justeru, menerusi bab yang menyentuh prosedur pengurusan wang khairat di Malaysia, diharapkan ia akan menjadi garis panduan yang berguna kepada pihak MAIN dalam melaksanakan pemantauan kutipan khairat yang berkesan demi maslahah ‘ammah. Sekiranya diaplikasikan secara istiqamah, institusi Baitulmal negara pasti akan dipandang tinggi oleh masyarakat umum dan dunia luar kerana kesepaduan sistem yang diguna pakai sepenuhnya dalam membantu pembangunan umat Islam.

4.4 KESIMPULAN

MPWK merupakan salah satu daripada siri manual pengurusan JAWHAR yang berperanan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada pihak MAIN dan masyarakat umum dalam usaha JAWHAR mencapai Teras Strategik 3 dalam Pelan Strategik JAWHAR 2012-2016, iaitu “Pengukuhan Institusi Mal dalam Meningkatkan Taraf Sosio-ekonomi Ummah”.

Justeru, penerbitan MPWK ini adalah selaras dengan objektif utama Teras Strategik tersebut iaitu mewujudkan sistem tadbir urus terbaik yang seragam sebagai garis panduan dan rujukan MAIN. Maklum balas positif dan sokongan padu MAIN dan masyarakat umum adalah diharapkan agar usaha penambahbaikan dan pemantapan MPWK ini dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Lampiran 1**MAJLIS AGAMA ISLAM _____**

Alamat:

.....

.....

No. Tel.: No. Faks:

BORANG PERMOHONAN PUNGUTAN KHAIRAT**Senarai Semak Permohonan Pungutan Khairat**

1.	Surat Kelulusan Pihak Berkuastra Tempatan / Jabatan Kerja Raya (Pembinaan / Pembaikan Bangunan)	
2.	Surat Kebenaran Membina Masjid / Surau daripada Jabatan Agama Islam Negeri	
3.	Borang Permohonan Pungutan Khairat	
4.	Salinan Kad Pengenalan Penerima Kebenaran	
5.	2 keping gambar Penerima Kebenaran	
6.	Salinan Penyata Bank Terkini	
7.	Penyata Penerimaan dan Perbelanjaan pada Tahun berakhir 31 Disember Tahun Sebelumnya	
8.	Tandatangan Pengerusi / Nazir Masjid dan Pegawai Penyelaras Masjid Daerah	
9.	Tandatangan dan Ulasan Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah	
10.	Contoh Resit / Kupon	
11.	Surat Permohonan Membuat Pungutan Khairat	

Syarat-Syarat Permohonan

1. Permohonan hanya untuk pungutan khairat bagi pemohon negeri-negeri dalam Malaysia sahaja.
2. Fi permohonan dikenakan sebanyak RM50.00 dan kad kebenaran memungut sebanyak RM10.00 seorang.
3. Kemukakan satu salinan perkara-perkara berikut:
Lampiran A: Kelulusan Pihak Berkuastra Tempatan / Jabatan Kerja Raya
Lampiran B: Hak milik Tanah
Lampiran C: Surat kebenaran pemilik tanah jika bukan didaftarkan di bawah nama Majlis Agama Islam Negeri
Lampiran D: Pelan latar masjid / surau bangunan baru / tambahan yang telah diluluskan
Lampiran E: Penyata bank terkini
Lampiran F: Penyata penerimaan dan perbelanjaan pada 31 Disember tahun sebelumnya
Lampiran G: Surat kebenaran pembinaan masjid / surau / madrasah daripada Jabatan Agama Islam Negeri
Lampiran I: Salinan buku resit / kupon pungutan khairat
4. Pihak Majlis Agama Islam Negeri berhak untuk menolak permohonan ini jika maklumat yang diberi tidak lengkap.

BORANG PERMOHONAN PUNGUTAN KHAIRAT

1. MAKLUMAT PEMOHON

No. Fail :

1.1. Nama Masjid / Surau / Madrasah / Ma'ahad / Sekolah / Pertubuhan:*

.....

1.2. Alamat Lengkap :

.....

1.3. No. Telefon : No. Fax :

1.4. Tujuan Permohonan: Pembinaan Pembaikan Penyelenggaraan

1.5. Senarai Nama Ahli Jawatankuasa Masjid / Surau / Madrasah / Ma'ahad / Sekolah / Pertubuhan:*

BIL.	NAMA	NO. K/P	JAWATAN	NO. TELEFON

1.6. Senarai Nama Ahli Jawatankuasa Penaja / Pembangunan Masjid / Surau / Madrasah / Ma'ahad / Sekolah / Pertubuhan:*

BIL.	NAMA	NO. K/P	JAWATAN	NO. TELEFON

Nota: Gunakan lampiran jika tidak mencukupi

2. MAKLUMAT PUNGUTAN KHAIRAT

- 2.1. Nama Bank :
- 2.2. No. Akaun Bank :
- 2.3. Jumlah Kos Pembinaan : RM
- 2.4. Jumlah Pungutan Dikehendaki: RM
- 2.5. Jumlah Bantuan daripada Pusat Zakat / Lain-lain: RM
- 2.6. Kedudukan Baki Simpanan Terbaru: RM
- 2.7. Senarai Nama Penerima Kebenaran (Tidak Melebihi **10 Orang**):

BIL.	NAMA	NO. K/P	ALAMAT	NO. TELEFON

3. MAKLUMAT BANGUNAN

- 3.1. Nombor Pendaftaran Masjid / Surau / Madrasah / Sekolah / Pertubuhan:*

.....

- 3.2. Kaedah Pembinaan: Gotong-Royong / Tender / Upah Harian*

4. PERAKUAN

4.1. Perakuan Pengerusi / Nazir*

Nama :

Tandatangan :

Jawatan :

No. Telefon : Tarikh :

4.2. Pengesahan Penyelaras Masjid Daerah

Nama :

Tandatangan :

Jawatan :

No. Telefon : Tarikh :

4.3. Ulasan Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah

.....

.....

Tandatangan :

Nama :

Jawatan (Cop) : Tarikh

4.4. Ulasan Pegawai Majlis Agama Islam Negeri (Diisi bagi permohonan khairat luar negeri sahaja)

.....

.....

Tandatangan :

Nama :

Jawatan (Cop) : Tarikh

4.5. Perakuan Pemohon

Saya mengaku bahawa segala maklumat dan butir-butir yang diberikan di dalam borang ini adalah benar.

Tandatangan Pemohon :

Nama Pemohon :

Tarikh :

Note: Potong mana-mana yang tidak berkaitan

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

A. Dokumen Diterima Oleh :

Nama :

Jawatan (Cop) : Tarikh

Catatan :
.....

B. Ulasan Pegawai Bahagian / Seksyen:

.....
.....

Tandatangan :

Nama :

Jawatan (Cop) : Tarikh

C. Ulasan dan Syor Pengarah / Pengurus Bahagian:

.....
.....

Tandatangan :

Nama :

Jawatan (Cop) : Tarikh

Sila Potong Keratan Ini

KAD AKUAN TERIMAAN

Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan Pungutan Khairat pihak tuan telah diterima dan didaftarkan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri untuk tujuan pemprosesan. Sebarang keputusan berhubung permohonan pihak tuan akan dimaklumkan kelak.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Tarikh :

Lampiran 2

Rujukan kami :

Tarikh :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

.....
.....
.....
.....

Tuan,

**KEBENARAN MEMBUAT PUNGUTAN KHAIRAT UNTUK
..... MENGIKUT SEKSYEN, AKTA / ENAKMEN PENTADBIRAN
AGAMA ISLAM (NEGERI) TAHUN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Majlis Agama Islam tiada apa-apa halangan dan memberi kebenaran kepada pihak tuan untuk menjalankan Pungutan Khairat bagi tujuan yang beralamat di Walau bagaimanapun, kebenaran pungutan ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 2.1. Kebenaran Pungutan Khairat ini berkuat kuasa mulai sehingga
- 2.2. Tidak dibenarkan membuat Pungutan Khairat di tempat-tempat awam, rumah ke rumah, pusat-pusat membeli belah, pasar-pasar malam, restoran-restoran dan sebagainya.
- 2.3. Kutipan hendaklah dipohon terus kepada individu-individu tertentu yang berminat untuk menderma. Contohnya seperti tokoh-tokoh korporat, pejabat-pejabat kerajaan atau swasta.
- 2.4. Mengeluarkan resit penerimaan mengikut nombor siri ke atas setiap wang yang dipungut.
- 2.5. Membelanjakan wang Pungutan Khairat hanya mengikut tujuan asal surat kebenaran ini dikeluarkan.
- 2.6. Menunjukkan segala potongan resit / kupon, akaun dan baucar bagi diperiksa dan diaudit oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri apabila dikehendaki.
- 2.7. Hanya individu yang diberi kebenaran sahaja yang dibenarkan menjalankan Pungutan Khairat.

- 2.8. Resit / kupon yang digunakan bagi tujuan Pungutan Khairat hendaklah terlebih dahulu dicop dengan **cop Rasmi Majlis Agama Islam Negeri sebelum pungutan dilakukan.**
- 2.9. Menghantar laporan Penyata Penerimaan dan Pembayaran Pungutan Khairat kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri dalam tempoh 14 hari selepas tempoh kelulusan permohonan Pungutan Khairat tamat.
- 2.10. Sekiranya syarat-syarat tersebut gagal dipatuhi, pihak Majlis Agama Islam Negeri tidak akan teragak-agak menarik balik kelulusan permohonan berkenaan dengan serta merta dan tindakan penguatkuasaan akan diambil.
3. Berikut adalah senarai nama individu yang diberi kuasa untuk membuat Pungutan Khairat:

Bil.	Nama	No. Kad Pengenalan

4. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi talian atau hadir sendiri ke Seksyen / Bahagian , Majlis Agama Islam

5. Kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

والسلام



"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

()
Setiausaha,
Majlis Agama Islam

s.k.: 1. Ketua Polis Negeri
2. Pegawai Tadbir Agama, Pejabat Agama Islam Daerah
3. Fail

Lampiran 3



Lampiran 4

MAJLIS AGAMA ISLAM _____

Alamat:
.....
.....

No. Tel.: No. Faks:

BORANG PERMOHONAN LANJUTAN PUNGUTAN KHAIRAT

Senarai Semak Permohonan Lanjutan Pungutan Khairat

1.	Salinan Penyata Bank Terkini	
2.	Penyata Penerimaan dan Perbelanjaan Terkini	
3.	Tandatangan Pengerusi / Nazir Masjid	
4.	Tandatangan Pegawai Penyelaras Masjid Daerah	
5.	Ulasan dan Tandatangan Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah	
6.	Tandatangan dan ulasan Pegawai MAIN berkaitan (bagi permohonan luar negeri Selangor)	
7.	Surat Kebenaran Pungutan Khairat Terdahulu (Asal)	
8.	Kad Kebenaran Memungut Terdahulu	
9.	Salinan Kad Pengenalan Dan Gambar Penerima Kebenaran (Setiap Orang)	
10.	Surat Permohonan Membuat Pungutan Khairat	
11.	Surat Permohonan Membuat Pungutan Khairat	

Syarat-Syarat Permohonan

1. Permohonan hanya untuk pungutan khairat bagi pemohon negeri-negeri dalam Malaysia sahaja.
2. Fi permohonan dikenakan sebanyak RM30.00 dan kad kebenaran memungut sebanyak RM10.00 seorang.
3. Mengembalikan kad kebenaran memungut terdahulu.
4. Kemukakan satu salinan perkara-perkara berikut:
Lampiran A: Penyata penerimaan dan pembayaran terkini
Lampiran B: penyata bank terkini
5. Pihak Majlis Agama Islam Negeri berhak untuk menolak permohonan ini jika maklumat yang diberi tidak benar / tidak lengkap.

1. MAKLUMAT PEMOHON

No. Fail :

1.1. Nama Masjid / Surau / Madrasah / Ma'ahad / Sekolah / Pertubuhan:*

1.2. Alamat Lengkap :
.....

1.3. No. Telefon : **No. Fax** :

1.4. Tujuan Permohonan: Pembinaan Pembaikan Penyelenggaraan

1.5. Nama Bank :

1.6. No. Akaun Bank :

1.7. Jumlah Kos Pembinaan : RM

1.8. Kedudukan Baki Simpanan Terkini: RM

1.9. Jumlah Hasil Kutipan Terkini: RM

1.10. Jumlah Perbelanjaan Yang Digunakan: RM

2. PERAKUAN

2.1. Perakuan Pengerusi / Nazir*

Nama :

Tandatangan :

Jawatan :

No. Telefon : Tarikh :

2.2. Pengesahan Penyelaras Masjid Daerah

Nama :

Tandatangan :

Jawatan :

No. Telefon : Tarikh :

2.3. Ulasan Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah

.....

.....

Tandatangan :

Nama :

Jawatan (Cop) : Tarikh

2.4. Ulasan Pegawai Majlis Agama Islam Negeri (Diisi bagi permohonan khairat luar negeri sahaja)

.....

.....

Tandatangan :

Nama :

Jawatan (Cop) : Tarikh

2.5. Perakuan Pemohon

Saya mengaku bahawa segala maklumat dan butir-butir yang diberikan di dalam borang ini adalah benar.

Tandatangan Pemohon :

Nama Pemohon :

Tarikh :

Nota: Potong mana-mana yang tidak berkaitan

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

A. Dokumen Diterima Oleh :

Nama :

Jawatan (Cop) : Tarikh

Catatan :
.....

B. Ulasan Pegawai Seksyen / Bahagian :

.....
.....

Tandatangan :

Nama :

Jawatan (Cop) : Tarikh

C. Ulasan dan Syor Pengarah / Pengurus Bahagian:

.....
.....

Tandatangan :

Nama :

Jawatan (Cop) : Tarikh

Sila Potong Keratan Ini

KAD AKUAN TERIMAAN

Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan Pungutan Khairat pihak tuan telah diterima dan didaftarkan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri untuk tujuan pemprosesan. Sebarang keputusan berhubung permohonan pihak tuan akan dimaklumkan kelak.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Tarikh :